



**KENYATAAN MEDIA**  
**YAB PERDANA MENTERI**

---

**KEPUTUSAN MESYUARAT KABINET**

---

Mesyuarat Kabinet pada 8 Oktober 2021, telah membuat keputusan berkenaan kes-kes berikut;

- Siasatan kes kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim;
- Semakan semula undang-undang berkenaan kes Pedra Branca/Pulau Batu Puteh;
- Siasatan mengenai dakwaan terhadap Tan Sri Tommy Thomas, bekas Peguam Negara.

**1. SIASATAN KES KEMATIAN ANGGOTA BOMBA, ALLAHYARHAM MUHAMMAD ADIB MOHD KASSIM**

Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi memastikan siasatan menyeluruh, telus dan pembelaan sewajarnya terhadap kes kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan turut dianggotai oleh Menteri Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Hamzah Zainuddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican serta Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun.

Penubuhan jawatankuasa khas ini membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan kes kematian Allahyarham Adib, 24, yang juga anggota unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya, mendapat keadilan dan sekali gus pelaku kematian Adib dihadapkan ke muka pengadilan.

## **2. SEMAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG BERKENAAN KES PEDRA BRANCA/PULAU BATU PUTEH**

Jemaah Menteri juga bersetuju agar pasukan petugas khas diwujudkan bagi membuat kajian menyeluruh, meneliti dan mencadangkan opsyen-opsyen yang bersesuaian dengan mendapatkan pandangan daripada pakar undang-undang antarabangsa.

Usaha ini bertujuan untuk menyemak semula undang-undang berkenaan permohonan semakan dan pentafsiran berkenaan kes Pedra Branca/Pulau Batu Puteh. Pasukan petugas khas ini akan dipengerusikan oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

Pada masa yang sama, Jemaah Menteri juga telah membuat keputusan untuk mendapatkan pandangan undang-undang awal berkenaan tindakan undang-undang di bawah "*Tort of Misfeasance*" ke atas mana-mana pihak yang didapati telah melakukan kecuaiian dan kekhilafan ekoran tidak meneruskan permohonan semakan dan pentafsiran kes Pedra Branca/Pulau Batu Puteh.

## **3. SIASATAN MENGENAI DAKWAAN TERHADAP TAN SRI TOMMY THOMAS, BEKAS PEGUAM NEGARA**

Di samping itu, Kabinet turut bersetuju untuk menubuhkan sebuah pasukan petugas khas siasatan bagi membuat kajian awal sebelum sebarang tindakan seterusnya diambil terhadap dakwaan bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, di dalam bukunya "*My Story: Justice in the Wilderness*".

Pasukan petugas ini akan dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara yang akan dilantik dalam masa terdekat. Sementara itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) bertindak sebagai urusetia.

Pasukan petugas khas siasatan yang dicadangkan ini antara lain bertujuan untuk menyiasat dakwaan Tommy Thomas mengenai penyalahgunaan kuasa dalam isu pelantikan hakim, campur tangan badan eksekutif melampau dalam badan kehakiman, pendakwaan terpilih dan bersifat politik serta pelanggaran sumpah kerahsiaan.

### **TEMPOH PERKHIDMATAN**

1. Ketiga-tiga jawatankuasa yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri ini akan diberi tempoh selama enam bulan bagi memperoleh dapatan dan cadangan yang akan dibentangkan di dalam mesyuarat kabinet untuk tindakan susulan.

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**9 OKTOBER 2021**